

Latihan Penilaian Unit

1. Nyatakan sama ada pernyataan-pernyataan di bawah adalah Benar (A) atau Salah (B).
 - a. Islam adalah agama ciptaan manusia. _____
 - b. Asas-asas Islam adalah akidah, syariah dan akhlak. _____
 - c. Jihad dalam Islam adalah peperangan senjata semata-mata. _____
 - d. Menuntut ilmu adalah wajib untuk lelaki sahaja. _____
 - e. Percaya pada Allah s.w.t. adalah sesuatu yang sedia ada pada diri setiap insan. _____

Pilih jawapan yang betul daripada cadangan jawapan A,B, C, dan D.

2. Islam dari segi istilah membawa maksud
 - A. Taat dan patuh kepada perintah Allah s.w.t.
 - B. Mempercayai Allah s.w.t. dan rasu-Nya dengan pengucapan lidah dan kepercayaan dalam hati tanpa ragu.
 - C. Berbuat baik kepada manusia dan menghindarkan perbuatan buruk.
 - D. Agama yang diwahyukan untuk menjamin keselamatan.

3. Yang manakah antara berikut bukan tujuan solat?
 - A. Solat mendidik manusia mengingati Allah s.w.t. dan mematuhi perintah-Nya.
 - B. Solat akan memberikan kita ketenangan jiwa.
 - C. Solat menjadikan diri kita lebih alim daripada orang yang tidak bersolat.
 - D. Solat memelihara manusia daripada melakukan kejahatan.

4.

<ul style="list-style-type: none"> • Niat • Wukuf • Tawaf • Sa'i
--

Pernyataan yang disebut di atas merupakan

- A. Syarat sah puasa
- B. Wajib haji
- C. Rukun haji
- D. Rukun solat

5.

- Keperluan asas bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat.
- Keperluan ini dibahagikan kepada agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

Pernyataan di atas merupakan ciri-ciri

- A. keperluan daruriyyah
- B. keperluan hajiyyah
- C. keperluan tahsiniyyah
- D. Maqasid al-Shari'ah

6. Antara berikut, yang manakah **bukan** jenis-jenis jihad?

- A. Jihad nafsu.
- B. Jihad menentang musuh Islam.
- C. Jihad untuk menggalakkan aktiviti maksiat.
- D. Jihad menentang hasutan syaitan dan iblis.

7. Senaraikan Rukun Iman mengikut tertibnya.

- a. _____
- b. _____
- c. _____
- d. _____
- e. _____
- f. _____